Actacorp Holdings Bhd & Satu Yang Lain (Pemohon-pemohon)

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA NO 24–273–92
ABDUL AZIZ MOHAMAD H
30 JANUARI 1993

Syarikat dan Korporat — *Saham — Pengaturan memperoleh saham — Sama ada pengaturan itu ditegah oleh Akta Syarikat 1965 s 132G — Akta Syarikat 1965 s 132G*

Perkataan dan Rangkai Kata — *'Persons connected with a director' — Akta Syarikat 1965 s 122A*

Perkataan dan Rangkai Kata — *'First held the shares' — Akta Syarikat 1965 s 132G*

Dalam permohonan ex parte yang dibuat di bawah saman pemula ini, pemohon-pemohon bersama, Actacorp Holdings Bhd ('Actacorp') dan Ong Say Kiat ('Ong'), mengemukakan permohonan kepada mahkamah untuk mendapatkan penentuan sama ada pengaturan yang dimasuki oleh syarikat pemeroleh, Actacorp, pada 7 Oktober 1992, untuk memperoleh 490,000 saham biasa dari Ong, salah seorang pengarahnya, dalam syarikat sasaran, V-Pile System Sdn Bhd ('V-Pile'), termasuk di dalam lingkungan tegahan di bawah s 132G Akta Syarikat 1965 ('Akta itu'). Ong adalah pemegang saham substansial dalam V-Pile sejak 2 Mei 1989, manakala Actacorp, sejak 10 Julai 1991, adalah juga pemegang saham substansial dalam V-Pile, seperti yang diperuntukkan dalam s 69D Akta itu. Ong dan orang yang berhubungan dengannya berhak menggunakan lebih daripada 15% undi-undi pada saham-saham mengundi dalam Actacorp. Seksyen 132G Akta itu, antara lain, menyebutkan bahawa sesuatu syarikat tidak boleh memasuki sebarang pengaturan untuk memperoleh saham-saham dalam syarikat lain jika seorang pengarah syarikat pemeroleh atau seseorang yang berhubungan dengannya mempunyai saham substansial menurut takrif s 69D Akta itu, kecuali pengaturan itu dimasuki selepas tiga tahun saham dalam syarikat lain itu mula dipegang. Tegahan di bawah s 132G akan terkena pada kes ini jika Ong atau orang yang berhubungan dengannya mempunyai saham substansial dalam V-Pile.

Soal yang perlu diputuskan, antara lain, adalah sama ada:

(a) s 132G langsung tidak terpakai bagi pengaturan dalam kes ini atas alasan bahawa V-Pile adalah sebuah syarikat sendirian berhad dan bukan syarikat yang dimaksudkan di bawah s 69B; dan
(b) Actacorp yang mempunyai pemegangan saham substansial dalam V-Pile adalah seorang yang berhubungan dengan Ong menurut s 122A, dan oleh itu diliputi tegahan di bawah s 132G.

A **Diputuskan**, bahawa pengaturan itu tidak ditegah oleh s 132G:

(1) Oleh kerana s 132G(1) bergantung kepada s 69D untuk penentuan soal bilakah seorang pengarah syarikat pemeroleh atau orang yang berhubungan dengannya boleh dikatakan mempunyai pemegangan saham substansial dalam syarikat sasaran, mahkamah berpendapat bahawa maksud Parlimen adalah untuk memakai bagi s 132G hanya isi undang-undang yang terkandung dalam s 69D mengenai erti pemegangan substansial ('substantial shareholding') dan tidak terbatas pemakaiannya oleh s 69B(2). Oleh itu, s 132G terpakai walaupun syarikat sasaran, V-Pile, sebuah syarikat sendirian berhad.

(2) Sekiranya seseorang yang berhubungan dengan Ong mempunyai pemegangan saham substansial dalam syarikat sasaran, pengaturan itu adalah ditegah oleh aspek tegahan s 132G. Mahkamah berpendapat bahawa dalam hal sesuatu badan korporat, orang yang berhubungan dengan seseorang pengarah yang dimaksudkan dalam s 132G bukanlah syarikat subjek itu sendiri tetapi sesuatu badan yang lain. Adalah mustahil bagi syarikat subjek membuat apa-apa pengaturan dengan dirinya sendiri.

(3) Walaupun Ong dan orang yang berhubungan dengannya mempunyai kuasa mengundi 15% dalam Actacorp, ini tidak menjadikan Actacorp seorang yang berhubungan dengan pengarahnya (Ong) bagi maksud-maksud s 132G. Maka hakikat Actacorp mempunyai pemegangan saham substansial dalam V-Pile tidak membangkitkan tegahan di bawah s 132G terhadap pengaturan yang dimasuki.

[English summary

In this ex parte application brought under an originating summons, the joint applicants, Actacorp Holdings Bhd ('Actacorp') and Ong Say Kiat ('Ong'), applied to the court for the determination of a question as to whether an arrangement entered into by the acquiring company, Actacorp, on 7 October 1992, to acquire 490,000 ordinary shares from Ong, one of their company director, in the target company, V-Pile System Sdn Bhd ('V-Pile'), would come within the prohibition under s 132G of the Companies Act 1965 ('the Act'). Ong was a substantial shareholder in V-Pile since 2 May 1989, whilst Actacorp were substantial shareholders in V-Pile since 10 July 1991, in accordance with s 69D of the Act. Ong and the persons connected to him were entitled to more than 15% of the votes from the voting shares in Actacorp. Section 132G of the Act, inter alia, states that a company shall not enter into any arrangements to acquire shares of another company in which a director of the acquiring company or a person connected to the director has a substantial shareholding as defined in s 69D of the Act, unless such arrangements had been entered into three years after the shares in that other company were first held. The prohibition under s 132G would apply in this case if Ong or the persons connected to him were substantial shareholders in V-Pile.

The issues to be determined were, inter alia, whether: A

(a) s 132G is not applicable at all in the arrangement entered into in this case on the ground that V-Pile was a private limited company and not a company as defined in s 69B; and
(b) Actacorp, being substantial shareholders of V-Pile, were persons connected to Ong in accordance with s 122A, and therefore fall B within the prohibition under s 132G.

Held, that the arrangement was not prohibited by s 132G:
(1) Since s 132G(1) depends upon s 69D in determining the question as to when a director of an acquiring company or a person C connected to him may be said to have a substantial shareholding in the target company, the court is of the opinion that the intention of Parliament was to make applicable to s 132G the substance of the law under s 69D with regard to the meaning of substantial holding and s 69B(2) does not limit its application. Thus, s 132G is applicable although the target company, V-Pile, D is a private limited company.
(2) If a person connected to Ong has a substantial shareholding in the target company, the arrangement is prohibited by s 132G. The court held that in corporate matters, the person connected to the director under s 132G does not mean the subject company itself, but a different body. It is impossible for the subject company to E make such arrangement with itself.
(3) Although Ong and the persons connected to him held 15% of the voting rights in Actacorp, this does not make Actacorp persons connected to the director (Ong) for the purposes of s 132G. The fact that Actacorp have a substantial shareholding in V-Pile does F not give rise to such a prohibition under s 132G against the arrangement entered into by them.]

Undang-undang rujukan
Akta Syarikat 1965 ss 69B, 69D, 122A, 132E, 132G, 133A G

SC Loh dan *Ariff Yusof* (*Cheang & Ariff*) bagi pemohon-pemohon.

Cur Adv Vult

Abdul Aziz Mohamad H: Ini adalah permohonan bersama ex parte oleh H Actacorp Holdings Bhd ('Actacorp') dan Ong Say Kiat ('Ong') bersabit dengan suatu pengaturan ('arrangement') yang dikatakan telah dimasuki ('entered into') oleh Actacorp pada 7 Oktober 1992 untuk memperoleh ('acquire') dari Ong sebanyak 490,000 saham biasa dalam syarikat yang bernama V-Pile System Sdn Bhd ('V-Pile'). I

Peguam pemohon-pemohon menjelaskan kepada saya bahawa pemohon-pemohon ingin meneruskan pengaturan itu, tetapi Actacorp telah diberi nasihat yang berlawanan tentang sama ada pengaturan itu ditegah oleh s 132G Akta Syarikat 1965('Akta Itu'), manakala Ong, atas nasihat yang

A diperolehinya, berpendirian bahawa pengaturan itu tidak ditegah oleh seksyen itu. Mereka khuatir kalau-kalau pengaturan itu, jika masalah itu tidak diputuskan oleh mahkamah terlebih dahulu, akan menghadapi rintangan dari badan-badan tertentu seperti Jawatankuasa Pelaburan Asing ('FIC'), Jawatankuasa Terbitan Modal ('CIC') dan Bursa Saham Kuala Lumpur, kerana pemerolehan saham itu, atau hal-hal tertentu yang berkaitan dengannya, dikatakan adalah tertakluk kepada restu mereka di bidang-bidang lain. Oleh yang demikian, mereka telah bersetuju memohon bersama kepada mahkamah untuk mendapatkan penentuan atas masalah itu.

Walaupun permintaan ('prayer') dalam saman pemula ini telah diatur sebagai untuk mendapatkan jawapan-jawapan bagi soalan-soalan pentafsiran C yang tertentu, peguam bagi pemohon-pemohon mengakui bahawa apa yang mereka sebenarnya perlukan ialah penentuan sama ada pengaturan itu ditegah oleh s 132G. Oleh yang demikian, saya akan menuju kepada penentuan soal itu sebagai matlamat tugas saya tanpa semestinya memutuskan soalan-soalan itu satu persatu atau mengikut susunan ianya dibentang dalam permintaan ('prayer').

D Oleh kerana tarikh 7 Oktober 1992 itu bukanlah faktor yang membangkitkan masalah yang menyebabkan pemohon-pemohon membuat permohonan ini, saya akan menganggap sahaja — iaitu saya tidak akan membuat penentuan — bahawa, dari segi undang-undang, mengikut fakta-faktanya, pada tarikh itulah Actacorp memasuki pengaturan itu.

E Penentuan saya akan berasaskan fakta-fakta berikut yang diperolehi dari afidavit-afidavit yang menyokong permohonan ini.

Actacorp adalah sebuah syarikat awam. V-Pile adalah sebuah syarikat sendirian berhad. Ong adalah salah seorang pengarah Actacorp dan adalah juga salah seorang pengarah V-Pile. Ong adalah pemegang saham substansial dalam V-Pile, menurut s 69D Akta itu, sejak dia mula memegang saham F dalam syarikat itu pada 2 Mei 1989. Actacorp adalah juga, sejak 10 Julai 1991, pemegang saham substantial dalam V-Pile menurut seksyen itu. Ong dan orang-orang yang berhubungan dengannya berhak menggunakan lebih daripada 15% undi-undi yang terletak pada saham-saham mengundi dalam Actacorp.

G Setakat yang perlu bagi kes ini, s 132G, yang mula berkuatkuasa pada 10 September 1992, adalah seperti berikut:

> (1) Notwithstanding the provisions of sections 132C and 132E, a company shall not enter into any arrangement ... to acquire the shares ... of another company in which a ... director of the acquiring company, or a person connected to such ... director has a substantial shareholding as defined in H section 69D whether or not for the benefit of such ... director or connected person or for any other person unless the arrangement ... was entered into three years after such ... director or connected person as the case may be, first held the shares in that other company ...
>
> (2) An arrangement ... entered into in contravention of subsection (1) shall be void and any consideration given for the shares ... shall be recoverable I accordingly.
>
> (3) Subsection (2) shall apply to any arrangement ... which is pending completion at the time of coming into force of this section. ...
>
> (5) If there is any contravention of this section, the acquiring company and every director of the said company shall be guilty of an offence against this

> Act save in respect of any arrangement ... which is pending completion at the time of coming into force of this section. Penalty: Imprisonment for three years or fifty thousand ringgit or both.

Seksyen itu terpakai juga jika perbuatannya ialah memasuki transaksi (bukan sahaja pengaturan), benda yang hendak diperolehi ialah aset (bukan sahaja saham), dan pemegang saham substansial ialah seseorang pemegang saham (bukan sahaja pengarah) atau seseorang yang berhubungan dengannya, tetapi oleh kerana unsur-unsur itu tidak terlibat dalam kes ini, maka, dalam memetik seksyen itu, saya telah meninggalkan unsur-unsur itu.

Ada dua syarikat yang terlibat dalam seksyen itu, iaitu syarikat yang hendak memperolehi saham dan syarikat yang sahamnya hendak diperolehi itu. Saya akan merujuk kepada syarikat pertama sebagai 'syarikat pemeroleh' dan kepada syarikat kedua sebagai 'syarikat sasaran'. Dalam kes ini, syarikat pemeroleh ialah Actacorp dan syarikat sasaran ialah V-Pile.

Subseksyen (1) seksyen itu mengandungi dua aspek, iaitu tegahan, yang bermula dengan kata-kata '... a company shall not enter into any arrangement ...', dan pengecualian, yang bermula dengan kata-kata 'unless the arrangement ...'. Aspek tegahan itu akan terkena dalam kes ini jika Ong, sebagai seorang pengarah Actacorp, atau seseorang yang berhubungan dengannya, mempunyai pemegangan saham substansial, sebagaimana yang ditakrifkan dalam s 69D, dalam V-Pile.

Biarlah saya terlebih dahulu melupuskan soal sama ada, memandangkan V-Pile adalah syarikat sendirian berhad dan, kerana itu, bukanlah syarikat yang terjatuh di bawah s 69B(2), s 132G langsung tidak terpakai bagi pengaturan dalam kes ini. Soal itu berbangkit begini. Seksyen 69D, yang menetapkan bilakah seseorang itu mempunyai pemegangan saham substansial dalam sesebuah syarikat, adalah, oleh sebab s 69B(2) tidak terpakai dalam hal mana-mana badan, seperti syarikat sendirian berhad, yang bukan daripada salah satu jenis syarikat yang disenaraikan dalam subseksyen itu. Oleh kerana s 132G(1) bergantung kepada s 69D untuk penentuan soal, bilakah seseorang pengarah sesebuah syarikat pemeroleh, atau seseorang yang berhubungan dengannya, boleh dikatakan mempunyai pemegangan saham substansial dalam sesebuah syarikat sasaran, mungkin akan disangka bahawa, dalam subseksyen itu, syarikat sasaran — iaitu syarikat yang berkenaan dengannya berbangkit soal sama ada terdapat pemegangan saham substansial itu — tidak meliputi syarikat sendirian berhad dan bahawa, dengan itu, sesuatu pengaturan di mana syarikat sasaran, sebagaimana dalam kes ini, adalah syarikat sendirian berhad tidaklah diliputi oleh s 132G.

Seksyen 69D adalah sebahagian daripada divisyen 3A, yang bertajuk 'Substantial shareholdings', dalam bahagian IV Akta itu. Efek s 69B(2) ialah bahawa divisyen 3A itu adalah berkenaan dengan syarikat yang sahamnya disenaraikan di bursa saham, syarikat awam yang sahamnya tidak disenaraikan di bursa saham, dan badan-badan yang Menteri isytiharkan dalam warta sahaja. Tujuan divisyen itu ialah untuk membolehkan syarikat seperti itu, dan pendaftar syarikat, memperolehi maklumat yang lengkap dan kemaskini tentang siapakah orang yang mempunyai pemegangan saham substansial dalam syarikat seperti itu, yang dipanggil pemegang-pemegang saham substantial. Seksyen 69D menggariskan situasi di mana,

bagi maksud-maksud divisyen itu sahaja, seseorang itu dikatakan mempunyai pemegangan saham substansial dalam syarikat seperti itu. Subseksyen (1) seksyen itu berbunyi:

> For the purpose of this Division, a person has a substantial shareholding in a company if he has an interest or interests in one or more voting shares in the company and the nominal amount of that share, or the aggregate of the nominal amounts of those shares, is not less than five per centum of the aggregate of the nominal amounts of all the voting shares in the company.

Section 132G adalah sebahagian daripada divisyen 2, yang bertajuk 'Directors and officers', dalam bahagian V Akta itu. Perkataan 'company' terdapat bukan sahaja dalam s 132G tetapi di merata-rata tempat dalam divisyen itu. Tidak terdapat apa-apa pembatasan erti 'company' bagi divisyen itu, sebagaimana terdapat dalam s 69B(2) bagi divisyen 3A dalam bahagian IV. Oleh yang demikian, dalam peruntukan-peruntukan lain dalam divisyen 2 bahagian V, perkataan itu bererti mana-mana syarikat. Itu adalah sebagaimana yang sepatutnya, oleh kerana peruntukan-peruntukan itu membicarakan tentang subjek umum mengenai pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai syarikat. Maka, seterusnya, perkataan 'company' dalam s 132G, sama ada tentang syarikat pemeroleh atau syarikat sasaran, mestilah juga bererti mana-mana syarikat. Sekiranya Parlimen hendak menghadkan syarikat sasaran dalam seksyen itu kepada syarikat-syarikat atau badan-badan yang disenaraikan dalam s 69B(2), ia tentu akan berbuat demikian dengan cara yang nyata. Tidak mungkin Parlimen mengharapkan maksud itu akan tercapai melalui pergantungan kepada s 69D bagi erti 'substantial shareholding'. Pada pendapat saya, maksud Parlimen adalah untuk memakai bagi s 132G hanya isi undang-undang yang terkandung dalam s 69D tentang erti 'substantial shareholding' dan tidaklah juga pembatasan pemakaian seksyen itu yang diakibatkan oleh s 69B(2). Oleh yang demikian, pada pendapat saya, s 132G terpakai walaupun syarikat sasaran adalah, sebagaimana dalam kes ini syarikat sendirian berhad.

Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, aspek tegahan s 132G(1) akan terkena sekiranya Ong atau seseorang yang berhubungan dengannya mempunyai pemegangan saham substansial dalam syarikat sasaran V-Pile. Oleh kerana Ong mempunyai pemegangan saham substansial dalam V-Pile, tegahan itu terkena kepada pengaturan itu, tetapi oleh kerana dia mula memegang saham dalam V-Pile pada 2 Mei 1989, iaitu lebih tiga tahun sebelum tarikh pengaturan itu, maka, menurut aspek pengecualian subseksyen itu, pengaturan itu terlepas daripada tegahan itu setakat yang tegahan itu berasaskan kepada pemegangan saham substansial Ong dalam V-Pile. Oleh kerana tarikh 2 Mei 1989 adalah tarikh Ong pertama kali memegang saham dalam V-Pile dan dari tarikh itu lagi pemegangan sahamnya adalah pemegangan saham substansial, maka soal sama ada kata-kata 'first held the shares' dalam s 132G(1) bermaksud mula memegang apa-apa saham sahaja atau hanya saham substansial — iaitu salah satu soalan pentafsiran yang dikemukakan dalam kes ini — adalah tidak material bagi kes ini dan tidak perlu dijawab. Tetapi, oleh kerana soal itu telah dibangkitkan dan jawapannya adalah jelas bagi saya, saya rasa baiklah saya menjawabnya juga. Adalah jelas bagi saya bahawa 'mischief' yang menjadi

kebimbangan di sebalik s 132G berbangkit daripada pemegangan saham substansial dalam syarikat sasaran oleh pengarah syarikat pemeroleh atau orang yang berhubungan dengan pengarah itu. Pemegangan saham yang tidak substansial tidaklah menjadi perkara kebimbangan bagi seksyen itu. Maka tempoh tiga tahun yang ditetapkan oleh sub-s (1), yang saya nampak sebagai tempoh yang diperlukan untuk menghapuskan kebimbangan itu, mestilah dikira dari tarikh berlakunya perkara yang membangkitkan 'mischief' yang dibimbangi itu, iaitu tarikh bermulanya pemegangan saham substansial. Lagipun kata sandang tentu atau 'definite article' 'the' bagi kata 'shares' tentulah telah digunakan untuk menunjuk kepada saham-saham pegangan substansial. Jika maksud sub-s (1) ialah supaya tempoh tiga tahun itu dikira dari tarikh mula memegang saham — bukan tarikh mula memegang saham substansial sahaja — kata 'the' itu tidak akan digunakan dan frasa yang berkenaan akan berbunyi 'first held shares'.

Soal berikutnya ialah sama ada, bagi maksud-maksud sub-s (1), seseorang yang berhubungan dengan Ong mempunyai pemegangan saham substansial dalam V-Pile. Sekiranya jawapannya ya, maka, atas sebab itu, pengaturan itu adalah ditegah oleh aspek tegahan s 132G. Soal itu berbangkit oleh kerana, sebagaimana yang telah dinyatakan tadi, Ong dan orang-orang yang berhubungan dengannya menguasai lebih daripada 15% hak mengundi dalam Actacorp. Oleh itu, adalah dikhuatiri bahawa Actacorp, yang mempunyai pemegangan saham substansial dalam V-Pile, adalah seorang yang berhubungan dengan Ong menurut s 122A, yang menentukan bilakah seseorang itu berhubungan dengan seseorang pengarah bagi maksud-maksud s 132G(1).

Konsep 'person connected with a director' muncul pertama kalinya dalam divisyen 2 bahagian V Akta itu dalam ss 132E dan 133A yang dikanunkan oleh Akta Syarikat (Pindaan) 1986 yang mula berkuatkuasa pada 1 Februari 1987. Untuk menentukan siapakah orang yang berhubungan dengan seseorang pengarah, Akta 1986 itu mengkanunkan juga s 122A. Subseksyen (1) seksyen itu adalah seperti berikut:

> For the purposes of this Division a person shall be deemed to be connected with a director [of a company] if he is —
>
> (a) a member of that director's family; or
> (b) a body corporate which is associated with that director; or
> (c) a trustee of a trust (other than a trustee for an employee share scheme or pension scheme) under which that director or a member of his family is a beneficiary; or
> (d) a partner of that director or a partner of a person connected with that director.

Subseksyen (3)(c) seksyen itu menjelaskan sub-s (1)(b) dan adalah seperti berikut:

> (3) For the purposes of subsection (1)(b), a body corporate is associated with a director if —
>
> ...
>
> (c) that director or persons connected with him, or that director and persons connected with him, are entitled to exercise, or control the exercise of, not less than fifteen per centum of the votes attached to voting shares in the body corporate.

A Dalam memetik sub-s (1) itu, saya telah sengaja menambahkan dalam kurungan kata-kata 'of a company' selepas 'a director'. Kata-kata itu semestinyalah diimplikasikan. Tujuan saya membuat penambahan itu ialah untuk menampakkan entiti-entiti yang terlibat dalam sub-s (1). Entiti pertama ialah sebuah syarikat, yang saya akan panggil 'syarikat subjek'. Entiti kedua ialah seorang pengarah syarikat itu. Entiti ketiga ialah anggota B di bawah perenggan (a), badan di bawah perenggan (b), pemegang amanah di bawah perenggan (c) atau rakan kongsi di bawah perenggan (d), yang ada hubungkait dengan pengarah itu. Sebagai entiti ketiga, badan di bawah perenggan (b) mestilah badan yang lain daripada entiti pertama, iaitu syarikat subjek itu. Sesuatu syarikat subjek tidak boleh turut terjatuh di C bawah perenggan (b) itu, walaupun perkaitannya dengan pengarahnya menepati perenggan (c) sub-s (3), oleh kerana, jika ia turut terjatuh di bawah perenggan (b) itu, sub-s (1), dalam kes itu, akan sebenarnya melibatkan dua entiti sahaja, iaitu syarikat subjek itu dan pengarahnya, dan ini adalah bercanggah dengan pola tiga entiti yang mencirikan ('characterizes') subseksyen itu. Melihat kepada pola itu, saya tidak fikir sub-s (1) D bermaksud supaya syarikat subjek dapat memainkan dua peranan sebagai entiti pertama dan ketiga.

Selain daripada percanggahan dengan pola tiga entiti itu, jika hendak dikatakan syarikat subjek boleh juga terjatuh di bawah perenggan (b) sub-s (1), pada masa s 122A dikanunkan tidak ada sebab mengapa perlunya E syarikat subjek terjatuh di bawah perenggan itu. Ini dapat dilihat apabila ss 132E dan 133A dikaji, iaitu dua seksyen yang untuknya s 122A dikanunkan pada asalnya.

Setakat yang material, s 132E(1) berbunyi seperti berikut:

> A company shall not enter into any arrangement or transaction with a director of F the company ... or with a person connected with such a director to acquire from or dispose to such a director or person any non-cash assets of the requisite value unless ...

Saya akan merujuk kepada syarikat yang ditegah itu juga sebagai 'syarikat subjek'.

G Adalah jelas daripada peruntukan itu bahawa, setakat yang melibatkan badan korporat, seseorang yang berhubungan dengan seseorang pengarah syarikat subjek tidak mungkin syarikat subjek itu sendiri, tetapi mestilah sesuatu badan yang lain daripada syarikat subjek, oleh kerana adalah mustahil bagi syarikat subjek membuat apa-apa pengaturan atau transaksi dengan dirinya sendiri.

H Tentang s 133A, memadailah jika dilihat kepada sub-s (1)(a) sahaja, yang, setakat yang material, berbunyi seperti berikut:

> Subject to the provisions of this section, a company ... shall not (a) make a loan to any person connected with a director of the company ...

I Perkara yang sama adalah juga jelas daripada peruntukan itu, oleh kerana adalah mustahil bagi syarikat subjek membuat pinjaman kepada dirinya sendiri.

Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, ss 132E dan 133A adalah peruntukan-peruntukan di mana konsep 'person connected with a director' mula muncul dan s 122A telah dikanunkan pada masa yang sama untuk

menghuraikan konsep itu dalam kedua-dua seksyen itu. Saya telah menunjukkan bahawa, untuk ss 132E dan 133A itu, s 122A tidak perlu ditafsirkan dengan cara yang menjadikan syarikat subjek boleh terjatuh di bawah perenggan (b) sub-s (1) oleh kerana, walaubagaimanapun, pemakaian pentafsiran seperti itu adalah mustahil bagi ss 132E dan 133A. Oleh kerana pentafsiran seperti itu tidak perlu, adalah sukar hendak menerima bahawa s 122A, pada masa ia diwujudkan, bermaksud supaya ianya ditafsirkan begitu. Pertimbangan itu, bersama dengan pertimbangan bahawa pentafsiran seperti itu akan bercanggah dengan pola tiga entiti yang mencirikan sub-s (1), membawa saya kepada kesimpulan bahawa, pada masa ia diwujudkan, s 122A tidak bermaksud supaya sesuatu syarikat subjek turut terjatuh di bawah sub-s (1)(b) dan, seterusnya, di bawah sub-s (3), tetapi bermaksud bahawa, dalam hal badan korporat, orang yang berhubungan dengan seseorang pengarah syarikat subjek mestilah badan yang lain daripada syarikat subjek sendiri.

Seksyen 132G telah dikanunkan kemudian oleh Akta Syarikat (Pindaan) (No 2) 1992 yang mula berkuatkuasa pada 10 September 1992. Seksyen 122A turut terpakai bagi menentukan siapakah orang yang berhubungan dengan seseorang pengarah dalam s 132G itu. Pada pendapat saya, maksud asal s 122A terus kekal terpakai bagi s 132G. Adalah tidak mungkin bahawa, apabila s 122A dikanunkan, ia mempunyai sesuatu maksud, tetapi, selepas s 132G dikanunkan, maksud itu berubah. Apa yang diniatkan pada mulanya mestilah terus kekal pada masa-masa kemudiannya. Maka akibatnya ialah, pada pendapat saya, dalam hal sesuatu badan korporat, orang yang berhubungan dengan seseorang pengarah dalam s 132G bukanlah syarikat subjek itu sendiri tetapi sesuatu badan yang lain.

Oleh yang demikian, hakikat Ong dan orang yang berhubungan dengannya mempunyai kuasa mengundi lebih 15% dalam Actacorp tidaklah menjadikan Actacorp seorang yang berhubungan dengan pengarahnya, Ong, bagi maksud-maksud s 132G. Maka hakikat Actacorp mempunyai pemegangan saham substansial dalam V-Pile tidaklah membangkitkan tegahan s 132G terhadap pengaturan dalam kes ini.

Kesimpulan saya adalah konsisten dengan apa yang saya dapat lihat sebagai dasar di sebalik s 132G. Adalah tidak sukar hendak memahami mengapa Parlimen fikirkan perlu menyekat sesuatu pengaturan di antara sesuatu syarikat pemeroleh dan sesuatu syarikat sasaran sekiranya sesuatu syarikat ketiga mempunyai pemegangan saham substansial dalam syarikat sasaran dan syarikat ketiga itu dikuasai atau berkemungkinan dikuasai oleh pengarah syarikat pemeroleh dan orang-orang lain, seperti anggota keluarga, pemegang amanah dan rakan kongsi, yang berhubungan dengannya. Tetapi, tidak ternampak apa-apa sebab langsung mengapa Parlimen hendak menyekat sesuatu syarikat pemeroleh daripada memperolehi saham-saham dalam syarikat sasaran semata-mata kerana seseorang pengarah syarikat pemeroleh dan orang-orang yang berhubungan dengannya menguasai atau berkemungkinan menguasai syarikat pemeroleh.

Seksyen 132G melibatkan tiga entiti juga. Entiti pertama dan kedua ialah syarikat pemeroleh dan syarikat sasaran. Entiti ketiga ialah pengarah syarikat pemeroleh atau orang yang berhubungan dengannya. Tegahan seksyen itu berbangkit jika terdapat pertalian di antara entiti pertama dan

A entiti kedua melalui entiti ketiga kerana entiti ketiga mempunyai pemegangan saham substansial dalam entiti kedua. Kebimbangan di sebalik s 132G bukanlah semata-mata kerana entiti pertama memperolehi saham dari entiti kedua. Kebimbangannya ialah kerana pemerolehan saham itu dibuat semasa adanya pertalian seperti itu. 'Mischief' yang dibimbangkan berbangkit daripada pertalian seperti itu, yang membangkitkan tandatanya tentang B ketulusan dan percanggahan kepentingan. Dalam konteks pemahaman yang sedemikian, ternyatalah syarikat pemeroleh tidak boleh termasuk sebagai orang yang berhubungan dengan pengarahnya bagi maksud-maksud seksyen itu oleh kerana tidak mungkin syarikat pemeroleh menjadi entiti ketiga sebagai entiti pertalian antara dirinya sendiri dengan syarikat sasaran.

C Atas sebab-sebab yang telah dijelaskan itu, maka, berdasarkan kepada fakta-fakta yang dikemukakan kepada saya; jawapan saya kepada soalan sama ada pengaturan itu ditegah oleh s 132G ialah bahawa ia tidak ditegah oleh seksyen itu.

Ada seperkara yang saya ingin menambah. Adalah menjadi kesalahan bagi sesuatu syarikat memasuki sesuatu pengaturan dengan melanggar D s 132G selepas ia mula berkuatkuasa pada 10 September 1992. Syarikat itu boleh didakwa. Jika atas apa-apa sebab — katakanlah kerana terdapatnya fakta-fakta lain atau kerana pentafsiran saya tentang undang-undang tidak dipersetujui — pihak berkuasa pendakwaan mendapati perlu memulakan pendakwaan berkenaan dengan pengaturan itu, keputusan saya atas per-E mohonan ini tidak seharusnya menyebabkan apa-apa kesulitan. Actacorp belum lagi didakwa dan keputusan ini tidak menjadi halangan kepada pendakwaan. Walaupun mahkamah bawah yang membicarakan kes dalam pendakwaan itu akan terikat oleh pentafsiran saya tentang undang-undang, pentafsiran itu masih boleh dipertikaikan melalui rayuan, apabila seseorang hakim lain atau Mahkamah Agung bebas membuat pentafsiran yang F berlainan. Saya menyatakan ini semata-mata untuk menghapuskan sebarang keraguan yang mungkin timbul tentang akibat keputusan saya dari segi itu, iaitu keputusan yang dibuat atas permohonan ex parte dalam prosiding sivil untuk mentafsirkan peruntukan yang dikuatkuasakan melalui tindakan jenayah, dan bukanlah kerana terdapat apa-apa tanda yang menunjukkan G ada sesiapa yang inginkan supaya Actacorp didakwa.

Perintah berikutan.

Dilaporkan oleh Dr Mohaimin Ayus

H

I